

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

**MENTAL
HEALTH**

PK
LULUT
UNING

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**


*Memberi Kesan kepada
Usahawan Persisiran Pantai*

**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

JOM KE AIR TERJUN LATA JANGGUT, JELI, KELANTAN!

Nik Noor Afizah Azlan, Mazlan Mat, Nik Noor Athirah Azlan, Nur Syikri Harun, Fathiyah Ismail

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Terengganu, Malaysia
Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Malaysia

Pernah dengar kawasan rekreasi Air Terjun Lata Janggut? Mari saya kongsi serba sedikit mengenai keindahan Air Terjun Lata Janggut dan pengalaman saya sekeluarga berkelah dan mandi-manda di sana.

Kami sekeluarga telah menikmati percutan singkat selama dua hari satu malam ke Lata Janggut, sebuah destinasi terkenal di Jeli, Kelantan. Percutan ini bukan sahaja memberi kami peluang untuk bersantai dan beraktiviti di alam semula jadi, tetapi juga menjadi pengalaman berharga yang mengajar kami tentang aspek keselamatan dan penjagaan alam sekitar serta mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Kami memilih untuk menginap di homestay yang terletak tidak jauh dari air terjun, iaitu hanya 14 kilometer dari Lata Janggut. Untuk keluarga besar seperti kami, homestay ini menawarkan kemudahan asas yang cukup selesa dan bersih. Tempat penginapan ini sangat membantu kerana ia memudahkan urusan kami untuk ke destinasi utama serta memberi ruang untuk berehat dan bersantai selepas menjalani aktiviti harian.

Lata Janggut terletak di daerah Jeli, sebuah kawasan yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan daya tarikan pelancong. Kawasan ini merangkumi satu sistem sungai yang mengalir sejauh lapan kilometer, menghubungkan Sungai Ruar dan Sungai Long. Keunikan tempat ini adalah keindahan air terjunnya yang bersih, sejuk, dan nyaman, menjadikannya destinasi yang sesuai untuk aktiviti mandi-manda dan berkelah.

Selain keindahan alam, Lata Janggut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tandas, lokasi perkhemahan, tempat persalinan, gerai jualan makanan dan minuman, tempat barbeku, parkir, gazebo, dan tempat duduk. Aktiviti jungle tracking juga disediakan bagi mereka yang ingin meneroka keindahan hutan dan flora sekitar. Kemudahan ini telah ditambah baik berbanding keadaan pada tahun 2024 sewaktu kami mula-mula menjajakkan kaki di sini.


Ketua Jajahan Jeli, dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia dan KESEDAR, telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan dan mempromosikan Lata Janggut. Keindahan kawasan ini dikekalkan dan dipromosikan dengan matlamat untuk menarik pelancong tempatan dan antarabangsa. Usaha ini juga meningkatkan kemudahan dan keselamatan untuk pengunjung, menjadikan perjalanan ke sini lebih selamat dan menyenangkan. Selain itu, inisiatif ini mencerminkan komitmen pihak berkuasa dalam memajukan destinasi pelancongan di daerah Jeli serta memastikan pengunjung dapat menikmati keindahan alam secara selamat dan selesa.



Pengalaman kami sekeluarga selama di Lata Janggut sangat menyenangkan. Kawasan mandi-manda di sini sesuai untuk semua peringkat umur, daripada kanak-kanak hinggalah kepada orang dewasa. Airnya bersih, tenang, dan sejuk, menambah keselesaan dan ketenangan sepanjang aktiviti berkelah dan mandi-manda.

Namun, pengalaman lalu mengajar kami tentang pentingnya keselamatan semasa beraktiviti di kawasan air yang mengalir deras. Pada kunjungan pertama tahun lepas, adik bongsu saya mandi di kawasan yang agak dalam tanpa memakai jaket keselamatan dan hampir lemas. Mujur, adik-beradik lain yang pandai berenang dapat membantu dan menyelamatkannya. Pengalaman ini menjadi pengajaran berharga bahawa keselamatan adalah keutamaan, terutama di kawasan air yang dalam dan berarus deras.

Baru-baru ini, kami menyaksikan sendiri satu insiden yang menyedarkan kami betapa pentingnya memakai jaket keselamatan dan mengawal keadaan ketika berdepan situasi cemas, terutamanya semasa cuba menyelamatkan diri daripada arus deras. Seorang pengunjung yang telah memakai jaket keselamatan dan sedang mandi di kawasan dalam telah menjadi cemas dan hampir dihanyutkan oleh arus yang deras. Mujurlah, seorang ahli keluarga kami yang mahir berenang berjaya menyelamatkannya. Insiden ini menguatkan lagi keperluan untuk sentiasa berhati-hati dan mematuhi arahan keselamatan ketika menjalankan aktiviti di kawasan berair.



Kredit: Nada (<https://pelancongan.my>)

Kami menghabiskan hampir separuh hari di sini dari pukul 10 pagi hingga 4 petang. Anak-anak sangat gembira dan teruja, mereka bermain air, berlari dan bergembira di tepi sungai yang bersih dan selamat. Aktiviti mandi-manda ini tidak hanya menyajikan keseronokan, tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mencipta memori indah yang akan dikenang sepanjang hayat.

Pengalaman ini memberi pengajaran penting kepada semua pihak, terutamanya dari segi keselamatan dan penjagaan alam sekitar. Kami belajar bahawa walaupun tempat ini sangat menarik dan sesuai untuk beraktiviti, keselamatan harus diutamakan. Penggunaan jaket keselamatan, pengawasan orang dewasa, dan mematuhi arahan adalah langkah penting untuk memastikan aktiviti berjalan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.




Kredit: Majlis Daerah Jeli, Kelantan (<https://mdjeli.kelantan.gov.my>)

Selain itu, kami turut diajar tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan. Kami sentiasa membuang sampah di tempat yang disediakan dan tidak merosakkan flora serta fauna di sekitarnya. Ini selaras dengan usaha kerajaan dan pihak berkuasa tempatan dalam memupuk kesedaran untuk menjaga alam sekitar agar keindahan ini dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Secara keseluruhannya, percutan singkat ini memberi banyak manfaat dan pengalaman berharga kepada kami sekeluarga. Selain dapat menikmati keindahan alam di Lata Janggut, kami juga belajar tentang pentingnya keselamatan, menjaga kebersihan, dan menghargai keunikan tempat ini. Harapan kami, destinasi ini akan terus dipelihara dan dipromosikan agar lebih ramai lagi dapat menikmati keindahannya dan menjadikannya sebagai destinasi pilihan untuk beraktiviti dan beristirahat di masa akan datang.

Kredit: Nada (<https://pelancongan.my>)



Rujukan:

- <https://www.sinarharian.com.my/article/649214/edisi/kelantan/lata-janggut-jadi-tarikan-pelancong-musim-cuti>
- <https://pelancongan.my/lata-janggut/>
- <https://mdjeli.kelantan.gov.my/index.php/pelawat/destinasi-menarik-jeli/lata-janggut-batu-melintang-jeli>



BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com